

| | | | |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Keputusan Maxis langkah tepat: MSWG | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 07 Jul 2014 | Color | Full Color |
| Section | Ekonomi | Circulation | 314,000 |
| Page No | B2 | Readership | 942,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 284 cm ² |
| Journalist | RITA BENOV BUSHON | AdValue | RM 9,790 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 29,369 |



Keputusan Maxis langkah tepat: MSWG

» *Pembayaran dividen berlebihan boleh jejas kewangan syarikat*



**RITA BENOV
BUSHON**

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) mengalu-alukan keputusan Maxis untuk tidak membuat pembayaran dividen daripada pinjaman sebagai satu polisi transformasi syarikat yang berterusan.

Keputusan ini adalah langkah baik memandangkan secara tradisi, dividen dibayar selepas semua kewajipan operasi ditunaikan.

MSWG berharap pemegang saham, termasuk pemegang saham minoriti sedar bahawa meminta dividen yang berlebihan dan di luar kemampuan syarikat, boleh mendatangkan ketegangan kepada kedudukan kewangan syarikat pada masa depan.

Kod Pelabur Institusi yang dilancarkan pada minggu lalu, adalah kod pelabur institusi yang pertama di Asia Tenggara.

MSWG dengan sokongan Suruhanjaya Sekuriti (SC) menerajui secara bersama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); Permodalan Nasional Bhd (PNB); Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP); Lembaga Tabung Haji; Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT); Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); Persatuan Pengurus Aset Malaysia; Persatuan Takaful Ma-

laysia dan Pentadbir Pencen Swasta untuk membentuk kod ini.

Kod itu membawa implikasi besar

kepada pelabur institusi di Malaysia, dengan penumpuan lebih besar kepada isu termasuk penzahiran polisi penyeliaan dan pengawasan syarikat pelaburan mereka.

Buat laporan di laman web

Bermula dari tahun 2016, kod itu mengkehendaki mereka membuat laporan di laman web masing-masing atau menerusi laporan tahunan mengenai aplikasi pemakaian prinsip kod berkenaan.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC) berkata: "Pelabur institusi mempunyai pengaruh untuk meningkatkan tahap tadbir urus korporat di syarikat."

Katanya, dengan mengambil kira saiz dan tempoh jangka panjang pegangan mereka, hanya pihak berkenaan berada pada kedudukan baik untuk mengawal tahap disiplin pasaran.

Sementara itu, Pengerusi MSWG pula berkata, walaupun penggunaan kod itu adalah secara sukarela, namun pelabur institusi digalakkan menjadi signatori dan menerima pakai prinsip kod itu bagi menunjukkan komitmen mereka dalam menyokong kepentingan benefisiari mereka.

Di sini saya sekali lagi ingin mgesa pelabur institusi yang mengumpul dan melabur dana bagi pihak benefisiari masing-masing, khususnya dana pencer sama ada awam atau swasta, untuk menerima pakai prinsip amalan terbaik yang termaktub dalam kod itu.

Akhir sekali, dalam perkara lain saya ingin mengetengahkan satu kes yang mana seorang pengarah sya-

rikat tersenarai gagal menghadiri lebih separuh daripada mesyuarat Lembaga Pengarah dalam tempoh setahun.

Perlu letak jawatan

Menurut peraturan penyenaraian Bursa Malaysia, dalam perkara sebegini pengarah yang terbabit perlu meletakkan jawatan sebagai pengarah syarikat.

Kegagalan syarikat meminta pengarah itu meletakkan jawatan bermakna syarikat tidak mematuhi peraturan penyenaraian.

Oleh itu, kami berharap jawatan pengarah itu akan dikosongkan untuk menunjukkan komitmen syarikat terhadap peraturan penyenaraian bursa.

 **Penulis**
ialah Ketua Eksekutif
Badan Pengawas Pemegang
Saham Minoriti Bhd

"Walaupun penggunaan kod itu secara sukarela, namun pelabur institusi digalakkan menjadi signatori dan menerima pakai prinsip kod itu bagi menunjukkan komitmen mereka dalam menyokong kepentingan benefisiari mereka"

Pengerusi MSWG